

# **KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2007**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

LG  
173  
.M44  
.K33  
2007  
ra



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

<http://www.utem.edu.my>

42324

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

KAEDAH

ra  
LG173.M44 .K33 2007



0000042324

Kaedah-kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
[Tatatertib Pelajar-Pelajar] 2007 / Bahagian Hal Ehwal  
Pelajar & Alumni, Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
(UTeM).

Kaedah

1. Nama
2. Tafsiran

### BAHAGIAN II TATATERTIB AM

Kaedah

3. Larangan am
4. Menghadiri kuliah
5. Sekatan ke atas penggunaan teks kuliah
6. Larangan terhadap plagiarisme
7. Kehadiran bagi peperiksaan
8. Kelakuan semasa peperiksaan
9. Menganjurkan perhimpunan
10. Sepanduk
11. Penerbitan, dsb., dokumen
12. Kegiatan pelajar luar Kampus
13. Representasi yang berhubungan dengan Kolej Universiti
14. Bantahan pelajar terhadap kemasukan orang ke dalam Kampus
15. Judi di dalam Kampus
16. Minum minuman keras dan berkelakuan tidak senonoh
17. Bahan lucah
18. Rokok, dsb
19. Dadah dan racun
20. Kebersihan di dalam Kampus
21. Membuat bising
22. Pemeriksaan ke atas pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental
23. Tempat tinggal atau tempat tidur di dalam Kampus
24. Memasuki bahagian atau bangunan Kampus yang dilarang
25. Pakaian pelajar
26. Keingkaran
27. Hukuman tatatertib terus oleh pihak berkuasa tatatertib

### BAHAGIAN III TATATERTIB ASRAMA

Kaedah

28. Memasuki atau berada di dalam bilik pelajar menetap
29. Menghalang, dsb., orang yang diberi kuasa dll., daripada masuk dan menjalankan fungsi
30. Berada di luar asrama pada waktu malam
31. Berada di dalam premis asrama selepas tengah malam
32. Menggunakan premis asrama dengan cermat dan larangan kacau ganggu
33. Bertukar bilik tanpa kebenaran terlebih dahulu
34. Berpindah tempat tinggal
35. Kuasa Pengetua untuk memberi perintah, dsb., berkenaan dengan ketenteraman dan tatatertib

### BAHAGIAN IV TATATERTIB LALU LINTAS JALAN


Kaedah

36. Kebenaran bertulis bagi pelajar yang menyimpan, memiliki atau mempunyai kenderaan motor di dalam Kampus
37. Daftar kenderaan motor pelajar
38. Had laju
39. Kenderaan motor hendaklah dipandu hanya atas jalan raya
40. Meletak kereta secara menghalang
41. Menggunakan ruang letak kereta yang diuntukkan
42. Membonceng
43. Arahan dan isyarat lalu lintas
44. Pengeluaran lesen memandu dan kad pelajar
45. Halangan kepada aliran lalu lintas
46. Perbuatan di dalam Kampus yang merupakan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebagai kesalahan tatatertib.
47. Hukuman tatatertib terus

## BAHAGIAN V TATACARA TATATERTIB

Kaedah

48. Hukuman tatatertib
49. Kehadiran di hadapan pihak berkuasa tatatertib
50. Akibat tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib
51. Penjelasan fakta dan pengambilan akuan
52. Pengakuan bersalah dan tatacara berikutnya
53. Tatacara apabila pelajar mengaku tidak bersalah
54. Keterangan pelajar
55. Memanggil semula saksi
56. Pengumuman keputusan
57. Pengenaan hukuman
58. Jagaan dan pelupusan barang kes
59. Nota bertulis mengenai prosiding tatatertib
60. Jagaan nota
61. Daftar prosiding tatatertib
62. Laporan prosiding kepada ibu bapa, Menteri, dll.
63. Bayaran denda
64. Tidak membayar denda
65. Perintah pampasan
66. Orang yang boleh hadir dalam prosiding tatatertib



## BAHAGIAN VI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA RAYUAN

Kaedah

67. Notis rayuan
68. Penyampaian rayuan kepada Menteri
69. Tindakan Menteri ke atas rayuan
70. Rayuan tidak berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan hukuman

## BAHAGIAN VII AM

Kaedah

71. Kesalahan tatatertib
72. Kaedah-kaedah ini tidak mengurangkan tanggungan jenayah

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

### Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16C Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka membuat kaedah-kaedah yang berikut:

#### BAHAGIAN I PERMULAAN

##### **Nama**

1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2007.**

##### **Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

"arahan lalu lintas" ertiannya apa-apa perintah, petunjuk atau arahan yang diberikan oleh orang yang diberi kuasa kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan di dalam Kampus;

"asrama" ertiannya apa-apa kemudahan, dengan apa-apa juu nama yang dipanggil, yang disediakan oleh Universiti bagi kediaman pelajar;

"bilik tatatertib" ertiannya sesuatu bilik yang diintukkan bagi maksud menjalankan prosiding tatatertib amnya atau bagi maksud prosiding tatatertib yang tertentu;

"dadah" ertiannya apa-apa dadah atau bahan yang pada masa ini terkandung dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234];

"isyarat lalu lintas" termasuklah isyarat, tiang isyarat amaran, tiang arah isyarat, tanda atau alat yang didirikan atau disediakan pada atau berhampiran dengan jalan bagi pengetahuan, panduan atau petunjuk orang yang menggunakan jalan;

"judi" ertiannya bermain apa-apa permainan beradu nasib, atau gabungan beradu nasib dan kemahiran, bagi wang atau nilai wang, dan termasuklah apa-apa pertaganan, apa-apa pertaruhan atau apa-apa loteri;

"Kampus" ertiannya Kampus Universiti termasuk semua asrama, institusi dan bangunan Universiti;

"kenderaan" ertiannya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan untuk membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;

"kenderaan motor" ertinya tiap-tiap perihalan kenderaan yang digerakkan oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan, dan termasuklah apa-apa kenderaan yang ditarik oleh sesuatu kenderaan motor sama ada atau tidak bahagian kenderaan yang ditarik sedemikian menindih atas kenderaan motor yang menariknya;

"kesalahan tatatertib" ertinya suatu kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah ini;

"meletak kereta" ertinya membawa sesuatu kenderaan kepada keadaan yang tidak bergerak dan menyebabkan kenderaan itu menunggu bagi apa-apa maksud selain mengambil atau menurunkan dengan serta-merta orang, barang-barang atau bagasi:

"menipu" termasuklah meniru;

"minuman keras" ertinya apa-apa minuman yang mempunyai kekuatan alkohol atau mengandungi bahan yang memabukkan;

"orang yang diberi kuasa" ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi pihak Universiti;

"pekerja" ertinya mana-mana orang yang diambil bekerja oleh Universiti.

' "Pelajar" ertinya pelajar berdaftar yang mengikuti mana-mana kursus kajian, pendidikan, pembelajaran, latihan atau penyelidikan mana-mana rupabentuk pada peringkat persediaan, pra-graduan, lepasan graduan dan lepasan kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan, dari atau oleh atau di dalam Universiti dan termasuk pembelajaran jarak jauh, luar kampus dan pelajar tidak bergraduat ';

"pelajar menetap" ertinya seseorang pelajar yang menetap di dalam asrama;

"Pengetua" ertinya pegawai utama yang menjaga sesuatu asrama;

"peperiksaan" termasuklah apa-apa cara atau kaedah penilaian yang menyebabkan markah atau gred diberikan bagi sesuatu kursus tertentu atau sebahagian daripada kursus tertentu;

"pihak berkuasa tatatertib" ertinya Naib Canselor atau, jika berkenaan, mana-mana Timbalan Naib Canselor, mana-mana anggota kakitangan, mana-mana pegawai atau mana-mana pekerja Universiti, atau mana-mana lembaga anggota kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti yang diwakilkan oleh Naib Canselor dengan fungsi, kuasa atau kewajipan tatatertib di bawah subseksyen 16B(3) Akta;

"prosiding tatatertib" ertinya prosiding tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini;

"racun" ertinya apa-apa bahan yang dinyatakan melalui nama dalam ruang pertama Senarai Racun kepada Akta Racun 1952 [Akta 366] dan termasuklah apa-apa sediaan, larutan, sebatian, campuran atau bahan semula jadi yang mengandungi bahan itu;

"Naib Canselor" ertinya Naib Canselor Universiti, dan termasuklah mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa oleh Naib Canselor untuk bertindak bagi pihaknya.

"Universiti" ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

## BAHAGIAN II

### TATATERTIB AM

#### Larangan am

3. Seseorang pelajar tidak boleh -
  - (a) menjalankan urusannya, sama ada di dalam Kampus atau di luar Kampus, dengan apa-apa cara yang merosakkan atau memudaratkan:-
    - (i) kepentingan, kesejahteraan atau nama baik Universiti, mana-mana pelajar atau pekerja Universiti; atau
    - (ii) ketenteraman atau keselamatan awam, moral, kesopanan atau tatatertib;
  - (b) mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam Kampus atau di luar Kampus;
  - (c) mengganggu atau dengan apa-apa cara campur tangan atau menyebabkan supaya diganggu atau dengan apa-apa cara campur tangan, apa-apa pengajaran, pengajian, penyelidikan, kerja pentadbiran, atau apa-apa kegiatan yang dijalankan oleh atau di bawah arahan atau dengan kebenaran Universiti.
  - (d) melarang, menghalang atau mengganggu, atau menyebabkan supaya dilarang, dihalang atau diganggu, mana-mana pegawai atau pekerja Universiti atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan atau kebenaran pegawai atau pekerja itu, daripada menjalankan kerja, kewajipan atau fungsinya;
  - (e) melarang atau menghalang, atau menyebabkan supaya dilarang atau dihalang, mana-mana pelajar daripada menghadiri mana-mana kuliah, tutorial atau kelas, atau daripada mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang sah;
  - (f) menganjur, menghasut atau menyertai permulaan apa-apa peperiksaan, kuliah, tutorial, kelas atau kegiatan lain yang sah yang dijalankan oleh atau di bawah arahan, atau dengan kebenaran Universiti;
  - (g) merosak, mengubah, mengganggu, mengalih atau dengan apa-apa cara memperlakukan dengan apa-apa bahan, objek, artikel atau harta dalam Universiti;
  - (h) melakukan apa-apa perbuatan atau menyebabkan apa-apa perbuatan dilakukan di dalam Kampus, supaya menyebabkan atau mungkin menyebabkan apa-apa halangan, kesulitan, kegusaran, kerugian atau kerosakan kepada mana-mana orang di dalam Universiti;
  - (i) melanggar apa-apa arahan atau kehendak Pustakawan Universiti, anggota kakitangan perpustakaan atau pekerja lain perpustakaan berkenaan dengan penggunaan perpustakaan, buku-buku perpustakaan dan kemudahan lain di dalam perpustakaan;
  - (j) melanggar apa-apa arahan atau kehendak orang yang diberi kuasa berkenaan dengan penggunaan mana-mana makmal, peralatan makmal, perkakas atau bahan, dan kemudahan lain di dalam makmal.

## **Menghadiri kuliah**

4. (1) Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri mana-mana kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya, dia tidak boleh tidak menghadiri kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya itu tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Dekan Fakulti, atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut atau mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa oleh Dekan atau Ketua untuk bertindak bagi pihaknya, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (2) Jika hal keadaan tidak membenarkan kebenaran terlebih dahulu itu diperoleh, pelajar hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas itu, memuaskan hati Dekan atau Ketua atau mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa oleh Dekan atau Ketua untuk bertindak bagi pihaknya, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan ketidakhadirannya dan memperoleh kelulusan berkenaan dengan ketidakhadirannya itu.

## **Sekatan ke atas penggunaan teks kuliah**

5. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), seseorang pelajar tidak boleh menggunakan teks mana-mana kuliah atau pengajaran yang disampaikan kepadanya di Universiti kecuali bagi maksud mengikuti kursus pengajiannya; terutamanya, dia tidak boleh membuat salinan, dengan apa-apa cara, kesemua atau mana-mana bahagian teks itu bagi maksud penerbitan, pembahagian atau pengedaran, sama ada untuk bayaran atau tidak.
- (2) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan mengehadkan budi bicara Naib Canselor untuk mengeluarkan garis panduan bagi membenarkan seseorang pelajar, atau sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, membuat salinan teks mana-mana kuliah atau pengajaran di bawah kawalan dan arahan Naib Canselor, atau Dekan Fakulti, atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, sebagaimana yang dibenarkan oleh Naib Canselor, dan Naib Canselor boleh mengenakan dalam garis panduan itu apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat berkenaan dengan pengeluaran semula teks mana-mana kuliah atau pengajaran.

## **Larangan terhadap plagiarisme**

6. (1) Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan kepunyaan orang lain.
- (2) Bagi maksud kaedah ini, plagiarisme termasuklah:-
- (a) Perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mengaku bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu ialah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau
- (b) suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dengan apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang sebenarnya telah diambil daripada mana-mana sumber lain.

- (3) Tanpa menjelaskan keluasan subkaedah (2), seseorang pelajar memplagiat apabila dia —
- (a) menerbitkan, dengan dirinya sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang keseluruhannya atau sebagiannya ditulis oleh mana-mana orang lain;
  - (b) menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku, apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku itu;
  - (c) memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai pengarang bersama bagi sesuatu penerbitan apabila dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama;
  - (d) memetik data akademik yang merupakan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan atau data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan, sama ada diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data tersebut sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademiknya tanpa memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada sumber asal;
  - (e) menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usaha sama dengan mana-mana orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu ialah anggota kakitangan atau pelajar Universiti, sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademik peribadinya yang berbeza yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan peribadinya atau sebelum menerbitkan data itu;
  - (f) menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan, atau dalam apa-apa bentuk lain, dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;
  - (g) menterjemahkan tulisan atau ciptaan orang lain daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengemukakan terjemahan itu dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai penulisan atau ciptaannya sendiri; atau
  - (h) memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat ubah suaiannya tertentu tanpa rujukan yang sewajarnya kepada sumber asal dan menyusunnya semula dengan apa-apa cara yang tampak seolah-olah dia ialah pencipta idea itu.

### **Kehadiran bagi peperiksaan**

7. (1) Jika kursus pengajian seseorang pelajar memerlukan dia hadir bagi sesuatu peperiksaan dan dia tidak selainnya dihalang daripada peperiksaan itu, dia tidak boleh tidak hadir bagi peperiksaan itu tanpa kebenaran Dekan Fakulti, atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut terlebih dahulu, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (2) Jika hal keadaan tidak membenarkan kebenaran terlebih dahulu itu diperoleh, pelajar hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas itu, memuaskan hati Dekan atau Ketua, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan ketidakhadirannya dan memperoleh kelulusan berkenaan dengan ketidakhadirannya itu.

### **Kelakuan semasa peperiksaan**

8. Tiada pelajar boleh —
  - (a) membawa apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang dibenarkan oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa di dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa, dan dibenarkan oleh Naib Canselor;
  - (b) menulis, atau telah menulis melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaianya;
  - (c) berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa juga cara; atau
  - (d) menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

### **Menganjurkan perhimpunan**

9. (1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh, tanpa kebenaran Naib Canselor terlebih dahulu, mengadakan, menganjurkan atau memanggil, atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan atau dipanggil atau dengan apa-apa cara, terlibat dalam pengadaan, penganjuran atau pemanggilan, atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan atau dipanggil atau, dengan apa-apa cara terlibat dalam melakukan apa-apa perbuatan untuk mengadakan, menganjurkan atau memanggil, apa-apa perhimpunan yang mempunyai lebih daripada lima orang di dalam mana-mana bahagian Kampus atau di atas mana-mana tanah atau di dalam mana-mana bangunan yang dipunyai oleh atau di bawah milikan atau kawalan Universiti atau yang digunakan bagi maksud Universiti.

- (2) Dalam memberikan kebenaran yang disebut dalam subkaedah (1), Naib Canselor boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat.
- (3) Tiada pelajar boleh menghadiri atau menyertai sesuatu perhimpunan yang diadakan yang berlanggaran dengan subkaedah (1) atau (2).

### **Sepanduk**

10. Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh:-
- (a) membuat atau menyebabkan supaya dibuat atau melakukan apa-apa perbuatan untuk membuat atau menyebabkan supaya dibuat;
  - (b) mengibir, mempamer, menunjukkan atau dengan apa-apa cara menggunakan, atau menyebabkan supaya dikibar, dipamer, ditunjukkan atau dengan apa-apa cara menggunakan; atau
  - (c) memiliki atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya,

apa-apa bendera, sepanduk, plakad, poster, lambang atau alat lain yang membawa kepada keadaan tidak berdisiplin, kekacauan, keingkaran atau pelanggaran Kaedah-Kaedah ini.

### **Penerbitan, dsb., dokumen**

11. (1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, tanpa kebenaran Naib Canselor terlebih dahulu, boleh menerbitkan, membahagi atau mengedarkan apa-apa dokumén di dalam Kampus atau di luar Kampus.
- (2) Dalam memberikan kebenaran di bawah subkaedah (1), Naib Canselor boleh menenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat.
- (3) Kebenaran yang dikehendaki di bawah kaedah ini hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa lesen, permit atau apa-apa bentuk pemberkuasaan yang lain yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

### **Kegiatan pelajar di luar Kampus**

12. (1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjurkan, menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di luar Kampus yang mendatangkan kesan buruk secara langsung kepada Universiti atau yang memudararatkan kepentingan Universiti.
- (2) Naib Canselor boleh mengeluarkan garis panduan berkenaan dengan kegiatan yang memudararatkan kepentingan Universiti.

### **Representasi yang berhubungan dengan Universiti**

13. Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh, tanpa kelulusan Naib Canselor terlebih dahulu, membuat apa-apa representasi atau perhubungan lain, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain, kepada mana-

mana pegawai awam atau kepada akhbar atau kepada orang ramai dalam penjalanannya apa-apa kuliah, ucapan atau pernyataan awam atau dalam penjalanannya apa-apa penyiaran melalui bunyi atau gambar, berhubung dengan apa-apa perkara berkaitan dengan Universiti atau berkaitan dengan kakitangan atau pelajar Universiti, atas sifat mereka sebagai kakitangan atau pelajar Universiti, atau berkaitan dengan dirinya atas sifatnya sebagai seorang pelajar Universiti.

#### **Bantahan pelajar terhadap kemasukan orang ke dalam Kampus**

14. Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh membuat apa-apa bantahan, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain, terhadap kemasukan ke dalam, atau kehadiran dalam, atau larangan atau pemecatan dari, kampus mana-mana orang, badan atau kumpulan orang.

#### **Judi di dalam Kampus**

15. (1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjurkan, menguruskan, menjalankan atau membantu dalam penganjuran, pengurusan atau penjalanannya, atau menyertai apa-apa perjudian, pertaganan, loteri atau pertaruhan di dalam Kampus.  
(2) Larangan dalam subkaedah (1) tidak terpakai bagi apa-apa perjudian, pertaganan, loteri atau pertaruhan di dalam Kampus yang dianjurkan, diuruskan atau dijalankan oleh Universiti mengikut mana-mana undang -undang bertulis.

#### **Minum minuman keras dan berkelakuan tidak senonoh**

16. (1) Tiada pelajar boleh, di dalam Kampus, meminum atau mempunyai dalam milikannya atau di bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa minuman keras.  
(2) Mana-mana pelajar yang didapati berada dalam keadaan mabuk atau yang berkelakuan tidak senonoh di bawah pengaruh minuman keras, di dalam Kampus, melakukan suatu kesalahan tatatertib.

#### **Bahan lucuh**

17. (1) Tiada pelajar boleh, di dalam Kampus, mempunyai, dalam milikannya atau di bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa bahan lucuh.  
(2) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh membahagi-bahagikan, mengedarkan atau mempamerkan, atau menyebabkan supaya dibahagi-bahagikan, diedarkan atau dipamerkan, atau dengan apa-apa cara terlibat dalam pembahagian, pengedaran atau pempameran, apa-apa bahan lucuh di dalam Kampus tidak kira sama ada atau tidak pembahagian, pengedaran atau pempameran itu adalah bagi bayaran atau bagi apa-apa balasan lain.  
(3) Tiada pelajar boleh dengan sukarela melihat atau mendengar apa-apa bahan lucuh atau melayari laman web yang mengandungi bahan lucuh di dalam Kampus.

### **Rokok, dsb.**

18. Tiada pelajar boleh merokok atau menyimpan, mengedar, membekal atau cuba menyimpan, mengedar atau menawar apa-apa tembakau kepada mana-mana pelajar atau orang di dalam Kampus.

### **Dadah dan racun**

19. (1) Tiada pelajar boleh mempunyai dalam milikannya atau di bawah jagaannya atau kawalananya apa-apa dadah atau racun.
- (2) Tiada pelajar boleh memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan apa-apa dadah atau racun kepada mana-mana orang.
- (3) Tiada pelajar boleh makan melalui mulut, atau menghisap atau menyedut, atau memasukkan ke dalam badannya dengan suntikan atau dengan apa-apa jua cara, apa-apa dadah atau racun.
- (4) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan melarang seseorang pelajar daripada menjalani apa-apa rawatan oleh atau di bawah preskripsi pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50].
- (5) Mana-mana pelajar yang didapati berada di bawah pengaruh mana-mana dadah atau racun melakukan suatu kesalahan tatatertib.
- (6) Naib Canselor boleh menghendaki seseorang pelajar yang disyaki menagih dadah supaya menjalani ujian air kencing.
- (7) Jika seseorang pelajar enggan menjalani ujian yang disebut dalam subkaedah (6), dia melakukan suatu kesalahan tatatertib.

### **Kebersihan di dalam Kampus**

20. Seseorang pelajar tidak boleh melakukan apa-apa yang boleh menjelaskan kebersihan dan kekemasan tempat tinggal seseorang pelajar di dalam Kampus, atau mana-mana asrama, dewan kuliah, jalan, kawasan atau mana-mana bahagian lain Kampus, atau mana-mana bangunan atau binaan lain di dalam Kampus.

### **Membuat bising**

21. Seseorang pelajar tidak boleh membuat apa-apa bunyi atau bising, atau menyebabkan apa-apa bunyi atau bising dikeluarkan, dengan apa-apa cara, jika bunyi atau bising itu menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran atau gangguan kepada mana-mana orang di dalam Kampus.

### **Pemeriksaan ke atas pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental**

22. Naib Canselor boleh menghendaki seseorang pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental supaya menjalani pemeriksaan perubatan oleh pegawai perubatan yang berkelayakan.

### **Tempat tinggal atau tempat tidur di dalam Kampus**

23. Tiada pelajar boleh menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan mana-mana bahagian Kampus atau mana-mana bahagian bangunan di dalam Kampus sebagai tempat tinggal atau tempat tidur, kecuali tempat tinggal yang disediakan untuknya di dalam asrama oleh Universiti.

### **Memasuki bahagian atau bangunan Kampus yang dilarang**

24. Seseorang pelajar tidak boleh masuk ke dalam mana-mana bahagian Kampus atau mana-mana bahagian mana-mana bangunan di dalam Kampus, yang kemasukan ke dalamnya adalah dilarang kepada pelajar amnya atau, khususnya, kepada seseorang pelajar atau sesuatu kelas pelajar.

### **Pakaian pelajar**

25. Naib Canselor boleh mengeluarkan apa-apa arahan secara bertulis sebagaimana yang difikirkannya perlu, berhubung dengan cara berpakaian pelajar di dalam Kampus.

### **Keingkaran**

26. Jika seseorang pelajar melanggar apa-apa arahan, petunjuk atau kehendak yang sah yang diberikan atau dibuat oleh mana-mana pegawai atau pekerja Universiti yang diberi kuasa untuk memberi atau membuat arahan atau kehendak itu di dalam Kampus, pelajar itu melakukan suatu kesalahan tatatertib.

### **Hukuman tatatertib terus oleh pihak berkuasa tatatertib**

27. (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh pada budi bicaranya, sebagai ganti mengambil prosiding tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus dengan amaran atau denda tidak lebih daripada satu ratus ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan tatatertib di bawah perenggan 3(i), kaedah 18, 20, 21, 23, 25 dan 26 dengan kehadiran atau dalam penglihatan pihak berkuasa tatatertib itu:

Dengan syarat bahawa sebelum apa-apa hukuman dikenakan ke atas pelajar itu, pihak berkuasa tatatertib itu hendaklah memberitahunya tentang kesalahan tatatertib yang dilakukan olehnya dan memberinya suatu peluang untuk membuat representasi lisan dalam tempoh tidak melebihi 5 hari berkenaan dengan kesalahan itu.

- (2) Apabila dikenakan hukuman yang disebut dalam subkaedah (1), pihak berkuasa tatatertib hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada pelajar itu suatu notis bertulis tentang pengenaan hukuman itu dalam apa-apa bentuk yang diarahkan oleh Naib Canselor, dan jika hukuman yang dikenakan ialah suatu denda, peruntukan kaedah 63 dan 64 hendaklah terpakai.

### BAHAGIAN III

#### TATATERTIB ASRAMA

##### **Memasuki atau berada di dalam bilik pelajar menetap**

28. (1) Tiada seorang pun boleh memasuki sesuatu bilik di dalam asrama yang diduduki oleh seseorang pelajar menetap kecuali pelajar menetap itu sendiri.
- (2) Subkaedah (1) tidak terpakai:-
  - (a) bagi seseorang orang yang diberi kuasa yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan fungsi, kewajipan atau tanggungjawabnya;
  - (b) bagi seseorang yang memasuki bilik itu mengikut apa-apa kebenaran yang diberikan oleh, atau bagi pihak, Pengetua; dan
  - (c) bagi pelajar menetap daripada jantina yang sama yang memasuki bilik itu untuk melawat bagi maksud sosial biasa.
- (3) Maka hendaklah menjadi tanggungjawab seseorang pelajar menetap untuk memastikan bahawa sekatan dalam kaedah ini dipatuhi secara ketat.

##### **Menghalang, dsb., orang yang diberi kuasa dll., daripada masuk dan menjalankan fungsi**

29. Seseorang pelajar menetap tidak boleh melakukan apa-apa untuk menghalang atau mlarang mana-mana orang yang diberi kuasa daripada memasuki bilik pelajar menetap itu dan menjalankan fungsi, kewajipan atau tanggungjawabnya di dalam bilik itu.

##### **Berada di luar asrama pada waktu malam**

30. Seseorang pelajar menetap tidak boleh berada di luar premis asrama selepas tengah malam kecuali dengan kebenaran yang diberikan oleh atau bagi pihak Pengetua.

##### **Berada di dalam premis asrama selepas tengah malam**

31. Selepas tengah malam, kecuali bagi pelajar-pelajar menetap di dalam asrama mereka masing-masing, tiada pelajar lain boleh berada di dalam premis asrama kecuali dengan kebenaran yang diberikan oleh atau bagi pihak Pengetua.

##### **Menggunakan premis asrama dengan cermat dan larangan kacau ganggu**

32. (1) Seseorang pelajar hendaklah menggunakan premis asrama dengan cermat yang sewajarnya dan tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan lain kepada mana-mana bahagian kawasan atau bangunan atau kepada apa-apa benda atau lekapan di dalamnya.
- (2) Seseorang pelajar hendaklah, dalam menggunakan premis asrama dan

kemudahan-kemudahan di dalamnya, mengambil langkah berhati-hati bagi memastikan bahawa dia tidak menyebabkan apa-apa kesulitan, kegusaran, halangan atau kacau gangu kepada mana-mana orang lain.

#### **Bertukar bilik tanpa kebenaran terlebih dahulu**

33. Jika seseorang pelajar diuntukkan suatu bilik di asrama untuk tempat tinggalnya oleh Universiti, dia tidak boleh bertukar biliknya ke mana-mana bilik lain tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu secara bertulis yang diberikan oleh atau bagi pihak Pengetua.

#### **Berpindah tempat tinggal**

34. (1) Seseorang pelajar menetap tinggal di sesuatu asrama mengikut budi bicara dan kehendak mutlak Universiti.
- (2) Universiti boleh menghendaki seseorang pelajar menetap mengosongkan biliknya di asrama atau memindahkannya ke tempat tinggal lain yang disediakan oleh Universiti pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa alasan.
- (3) Jika seseorang pelajar menetap dikehendaki mengosongkan biliknya di asrama atau dipindahkan di bawah subkaedah (2), dia hendaklah dalam masa yang ditetapkan oleh Universiti mengeluarkan semua barang kepunyaannya dari bilik yang dia dikehendaki mengosongkan.

#### **Kuasa Pengetua untuk memberi perintah, dsb., berkenaan dengan ketenteraman dan tatatertib**

35. (1) Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Naib Canselor boleh, dari semasa ke semasa, memberikan sama ada secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, arahan atau petunjuk sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib di dalam asrama.
- (2) Perintah, arahan atau petunjuk itu boleh secara amnya terpakai bagi semua pelajar atau sesuatu kelas atau perihalan pelajar atau seseorang pelajar tertentu, dan hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap pelajar yang kepadanya perintah, arahan atau petunjuk itu terpakai untuk mematuhi dan melaksanakan perintah, arahan atau petunjuk itu.
- (3) Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Naib Canselor boleh mengikut budi bicaranya, sebagai ganti mengambil prosiding tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus dengan denda tidak melebihi satu ratus ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana perintah, arahan atau petunjuk:

Dengan syarat bahawa sebelum hukuman itu dikenakan ke atas pelajar, Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Naib Canselor hendaklah memberitahunya tentang kesalahan tatatertib yang dilakukan olehnya dan memberinya suatu peluang untuk membuat, pada masa itu juga, representasi lisan berkenaan dengan kesalahan itu.

- (4) Apabila dikenakan hukuman yang disebut dalam subkaedah (3), Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Naib Canselor hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada pelajar itu suatu notis bertulis tentang pengenaan hukuman itu dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor, dan berkenaan dengan denda yang dikenakan, peruntukan kaedah 63 dan 64 hendaklah terpakai.

## BAHAGIAN IV

### TATATERTIB LALU LINTAS JALAN

**Kebenaran bertulis bagi pelajar yang menyimpan, memiliki atau mempunyai kenderaan motor di dalam Kampus**

36. (1) Seseorang pelajar yang bercadang untuk menyimpan, ada dalam milikannya atau mempunyai apa-apa kenderaan motor di dalam Kampus hendaklah, pada mulanya, memohon dan memperoleh daripada Naib Canselor suatu kebenaran bertulis berkenaan dengan kenderaan motor itu; permohonan dan kebenaran bertulis itu hendaklah dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor, tertakluk kepada subkaedah (2).
- (2) Permohonan bagi kebenaran itu hendaklah dibuat oleh pelajar itu secara bertulis dengan menyatakan perihalan kenderaan motor itu dan hendaklah disertai dengan lesen kenderaan motor semasa dan polisi insurans pihak ketiga semasa berkenaan dengan kenderaan motor itu dan lesen memandu yang sah berkenaan dengan pemohon itu.
- (3) Kebenaran Naib Canselor hendaklah dipamerkan pada bahagian yang mudah dilihat pada kenderaan motor itu pada setiap masa.
- (4) Kebenaran itu hendaklah diperbaharui pada setiap tahun dan peruntukan subkaedah (1) dan (2) hendaklah terpakai mutatis mutandis bagi sesuatu permohonan untuk pembaharuan.
- (5) Naib Canselor boleh enggan memberikan kebenaran atau membatalkan apa-apa kebenaran yang diberikan jika dia berpuas hati bahawa bukan demi kepentingan Universiti bagi pelajar memegang kebenaran itu.

#### **Daftar kenderaan motor pelajar**

37. Naib Canselor hendaklah menyebabkan supaya disenggarakan suatu daftar bagi semua kenderaan motor yang disimpan, dimiliki atau dipunya oleh pelajar di dalam Kampus dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang difikirkan patut oleh Naib Canselor.
38. Tiada pelajar boleh memandu kenderaan motor di dalam Kampus pada kelajuan yang lebih daripada yang dinyatakan oleh isyarat lalu lintas.

### **Kenderaan motor hendaklah dipandu hanya atas jalan raya**

39. Tiada pelajar boleh memandu sesuatu kenderaan motor di mana-mana tempat selain di bahagian jalan yang digunakan sebagai jalan laluan bagi kenderaan motor; khususnya, tiada kenderaan motor boleh dipandu oleh pelajar di atas laluan jalan kaki, bahu jalan, tepi rumput, lorong jalan kaki, koridor, beranda, kaki lima, laman dalam atau dalam mana-mana bahagian mana-mana bangunan atau tempat lain, sama ada di sisi jalan laluan atau selainnya, yang biasanya tidak dimaksudkan atau tidak disediakan secara khas bagi laluan kenderaan motor.

### **Meletak kereta secara menghalang**

40. Tiada pelajar boleh meletak mana-mana kenderaan di mana-mana tempat atau dalam apa-apa cara yang akan menyebabkan bahaya, halangan atau kesulitan kepada mana-mana orang atau kenderaan motor lain.

### **Menggunakan ruang letak kereta yang diuntukkan**

41. Jika suatu ruang letak kereta diuntukkan bagi kenderaan motor tertentu, tiada pelajar boleh meletak kenderaan motor lain dalam ruang letak kereta itu.

### **Membonceng**

42. (1) Seseorang pelajar yang menunggang motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada seorang di atas motosikal itu.  
(2) Tiada pelajar boleh membawa seseorang di atas motosikal beroda dua melainkan jika orang itu duduk membонceng motosikal itu di belakang tempat duduk penunggang di atas tempat duduk yang direka bentuk dengan sempurna dan dipasang dengan kukuh pada motosikal itu.  
(3) Seseorang pelajar tidak boleh membenarkan dirinya dibawa di atas motosikal beroda dua yang ditunggang oleh mana-mana orang, sama ada seorang pelajar atau bukan, yang bertentangan dengan subkaedah (1) atau (2).

### **Arahan dan isyarat lalu lintas**

43. Seseorang pelajar hendaklah mematuhi semua arahan lalu lintas dan isyarat lalu lintas.

### **Pengeluaran lesen memandu dan kad pelajar**

44. Mana-mana pelajar yang memandu atau yang menjaga atau mengawal sesebuah kenderaan motor hendaklah membawa bersamanya suatu lesen memandu yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] dan kad pelajarnya dan hendaklah mengeluarkan lesen memandu atau kad pelajar itu untuk diperiksa oleh seseorang orang yang diberi kuasa apabila dikehendaki berbuat demikian.

### **Halangan kepada aliran lalu lintas**

45. Seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan dalam apa-apa cara, atau melakukan apa-apa perbuatan, yang menghalang atau mengganggu perjalanan lalu lintas yang licin dan teratur di dalam Kampus.

**Perbuatan di dalam Kampus yang merupakan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 menjadi kesalahan tatatertib**

46. (1) Seseorang pelajar melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini jika dia melakukan apa-apa perbuatan di dalam Kampus yang merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau mana-mana perundungan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu atau disifatkan telah dibuat di bawah Akta itu.
- (2) Maka hendaklah menjadi suatu pembelaan bagi apa-apa pertuduhan kesalahan tatatertib di bawah subkaedah (1) jika seseorang pelajar mengemukakan keterangan untuk menunjukkan bahawa dia telah atau sedang dalam proses menghadapi tindakan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau mana-mana perundungan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu atau disifatkan telah dibuat di bawah Akta itu bagi kesalahan itu.

**Hukuman tatatertib terus**

47. (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh mengikut budi bicaranya, sebagai ganti mengambil prosiding tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus dengan amaran atau denda tidak melebihi satu ratus ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Bahagian ini dengan kehadiran atau dalam penglihatan pihak berkuasa tatatertib:

Dengan syarat bahawa, sebelum apa-apa hukuman dikenakan ke atas pelajar itu, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahunya tentang kesalahan tatatertib yang dilakukan olehnya dan memberinya suatu peluang untuk membuat, pada masa itu juga, representasi lisan berkenaan dengan kesalahan itu.

- (2) Apabila dikenakan hukuman yang disebut dalam subkaedah (1), pihak berkuasa tatatertib hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada pelajar suatu notis bertulis tentang pengenaan hukuman itu dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor, dan jika hukuman yang dikenakan adalah suatu denda, peruntukan kaedah 63 dan 64 hendaklah terpakai.

**BAHAGIAN V**  
**TATACARA TATATERTIB**

**Hukuman tatatertib**

48. Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini dan didapati bersalah bagi kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai yang berikut:
- amaran;
  - dilarang berada atau memasuki mana-mana bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
  - denda tidak kurang dari satu ratus ringgit dan tidak melebihi satu ribu ringgit;

- (d) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
- (e) dibuang dari Universiti.

#### **Kehadiran di hadapan pihak berkuasa tatatertib**

49. Jika didapati oleh pihak berkuasa tatatertib bahawa seseorang pelajar telah melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahu pelajar itu tentang kesalahan tatatertib yang dikatakan itu dan menghendaki pelajar itu hadir di hadapannya di suatu bilik tatatertib pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib.

#### **Akibat tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib**

50. Jika seseorang pelajar tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib mengikut kaedah 49, dia hendaklah dengan serta-merta digantung daripada menjadi pelajar Universiti dan tidak boleh selepas itu berada di dalam atau memasuki Kampus; penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga pelajar itu menawarkan untuk hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib dan, pada hakikatnya, hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib pada tarikh dan pada masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib selepas pelajar itu menawarkan untuk hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib.

#### **Penjelasan fakta dan pengambilan akuan**

51. Dalam prosiding tatatertib, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menjelaskan kepada pelajar tentang fakta kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan oleh pelajar dan meminta pelajar membuat pengakuan atas kesalahan itu.

#### **Pengakuan bersalah dan tatacara berikutnya**

52. (1) Jika pelajar itu mengaku salah, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menerangkan kepadanya fakta kes.  
(2) Jika pelajar itu mengakui fakta kes dan pihak berkuasa tatatertib berpuas hati bahawa suatu kesalahan pada hakikatnya telah dilakukan daripada fakta itu pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengumumkan dia bersalah atas kesalahan tatatertib itu dan memintanya untuk mengemukakan apa-apa rayuan untuk meringankan hukuman.

#### **Tatacara apabila pelajar mengaku tidak bersalah**

53. (1) Jika pelajar mengaku bahawa dia tidak bersalah atas kesalahan tatatertib atau gagal atau enggan membuat pengakuan atau tidak mengakui fakta kes, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memeriksa mana-mana saksi atau apa-apa dokumen atau artikel lain bagi menyokong kes terhadap pelajar itu; pelajar itu hendaklah diminta menyatakan saksi itu dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel itu dan pihak berkuasa tatatertib boleh memeriksa semula saksi.  
(2) Bagi maksud subkaedah (1), saksi hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan dalam perbicaraan oleh Naib Canselor.

## **Keterangan pelajar**

54. Selepas keterangan yang disebut dalam kaedah 53 diterima, dan pihak berkuasa tatatertib mendapati bahawa ada suatu kes untuk dijawab, pelajar itu hendaklah diminta memberikan keterangannya, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen atau artikel lain bagi pembelaannya; pihak berkuasa tatatertib boleh menyoal pelajar itu atau mana-mana daripada saksi pelajar itu dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel, dan pelajar itu boleh memeriksa semula mana-mana saksinya itu.

## **Memanggil semula saksi**

55. Pihak berkuasa tatatertib boleh menyoal atau memanggil semula mana-mana saksi pada bila-bila masa sebelum pihak berkuasa itu mengumumkan keputusannya.

## **Pengumuman keputusan**

56. Selepas mendengar keterangan saksi dan memeriksa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengumumkan keputusannya dalam kes itu, dan jika pihak berkuasa tatatertib itu memutuskan bahawa pelajar itu bersalah atas kesalahan tatatertib itu, pihak berkuasa tatatertib hendaklah meminta pelajar itu membuat apa-apa rayuan untuk meringankan hukumannya.

## **Pengenaan hukuman**

57. Selepas pelajar itu mengemukakan rayuan bagi meringankan hukumannya, jika ada, di bawah kaedah 52 atau 56, mengikut mana-mana yang berkenaan, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengenakan ke atas pelajar itu satu daripada hukuman yang dinyatakan dalam kaedah 48 atau mana-mana dua atau lebih gabungan hukuman yang sesuai.

## **Jagaan dan pelupusan barang kes**

58. (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh memerintahkan apa-apa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya dalam penjalanan mana-mana prosiding tatatertib supaya disimpan dalam jagaannya atau dalam jagaan orang sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tatatertib sementara menanti tamatnya prosiding tatatertib itu.
- (2) Pihak berkuasa tatatertib hendaklah, apabila tamat prosiding tatatertib di hadapannya, membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut untuk melupuskan apa-apa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya dalam penjalanan prosiding tatatertib, dan boleh mengarahkan supaya perintah itu mula berkuat kuasa sama ada secara serta-merta atau pada suatu masa sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib itu.
- (3) Kuasa pihak berkuasa tatatertib di bawah subkaedah (2) hendaklah termasuk kuasa untuk memerintahkan pemusnahan apa-apa dokumen atau artikel lain atau pelucuthakkkan apa-apa dokumen atau artikel itu kepada Universiti.

### **Nota bertulis mengenai prosiding tatatertib**

59. Pihak berkuasa tatatertib hendaklah membuat atau menyebabkan supaya dibuat nota bertulis mengenai semua prosiding tatatertib di hadapannya tetapi nota itu tidak perlu dibuat kata demi kata.

### **Jagaan nota**

60. Nota mengenai prosiding tatatertib hendaklah disimpan dalam jagaan Naib Canselor.

### **Daftar prosiding tatatertib**

61. Naib Canselor hendaklah menyenggarakan suatu daftar bagi semua prosiding tatatertib yang dijalankan di bawah Kaedah-Kaedah ini; daftar itu hendaklah merekodkan nama pelajar, butir-butir kesalahan tatatertib, kemajuan penjalanan prosiding, keputusan prosiding, dan apa-apa maklumat atau butir lain sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor.

### **Laporan prosiding kepada ibu bapa, Menteri, dll.**

62. (1) Jika seseorang pelajar telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, Naib Canselor hendaklah menghantar suatu laporan berkenaan dengan prosiding tatatertib itu kepada orang yang berikut:
- (a) Menteri;
  - (b) ibu bapa atau penjaga pelajar;
  - (c) dalam hal pelajar pemegang biasiswa, kepada pihak berkuasa atau badan penaja biasiswa atau pemberi biasiswa itu; dan
  - (d) dalam hal pelajar yang juga seorang pekerja kerajaan, kepada Ketua Jabatan pekerja itu.
- (2) Orang yang disebut dalam perenggan (b) hingga (d) subkaedah (1) hendaklah atas permohonannya dibekalkan salinan terperaku nota prosiding tatatertib apabila dibayar fi yang ditentukan oleh Naib Canselor, yang fi itu tidak boleh, dalam apa-apa hal, melebihi lima puluh ringgit.
- (3) Suatu salinan terperaku nota prosiding tatatertib berkenaan dengan mana-mana kes tertentu hendaklah dibekalkan oleh Naib Canselor kepada Menteri jika Menteri menghendaki nota prosiding itu.

### **Bayaran denda**

63. (1) Jika pihak berkuasa tatatertib mengenakan hukuman denda ke atas pelajar, pihak berkuasa tatatertib itu hendaklah menyatakan tempoh yang dalamnya denda itu hendaklah dibayar dan pelajar itu hendaklah membayar denda itu dalam tempoh itu kepada Bendahari.
- (2) Tempoh yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh keputusan pihak berkuasa tatatertib itu.

### **Tidak membayar denda**

64. Jika pelajar tidak membayar denda dalam tempoh yang ditetapkan, dia hendaklah dengan serta-merta digantung daripada menjadi pelajar Universiti dan tidak boleh selepas itu berada di dalam atau memasuki Kampus; pengantungan itu hendaklah berterusan sehingga denda itu dibayar.

### **Perintah pampasan**

65. (1) Jika apa-apa hukuman tatatertib telah dikenakan ke atas seseorang pelajar, pihak berkuasa tatatertib boleh, sebagai tambahan, memerintahkan pelajar itu membayar apa-apa pampasan sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib itu berkenaan dengan apa-apa kerosakan pada mana-mana harta atau apa-apa kerugian atau kecederaan kepada mana-mana orang yang pelajar itu mungkin didapati bersalah atasnya oleh pihak berkuasa tatatertib.
- (2) Seseorang pelajar boleh diperintahkan supaya membayar pampasan di bawah kaedah ini tidak kira sama ada harta yang rosak itu kepunyaan Universiti atau mana-mana orang lain
- (3) Amaun pampasan yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib di bawah subkaedah (1) hendaklah merupakan suatu amanah yang adil dan munasabah dengan mengambil kira semua hal keadaan kes dan orang yang terlibat dalam kes itu.
- (4) Pampasan yang ditentukan di bawah subkaedah (1) hendaklah dibayar oleh pelajar kepada Bendahari dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib.
- (5) Peruntukan kaedah 64 hendaklah terpakai mutatis mutandis jika pelajar gagal membayar pampasan yang ditentukan di bawah subkaedah (1) dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subkaedah (4).
- (6) Bendahari hendaklah membayar pampasan yang dibayar oleh pelajar di bawah subkaedah (4) kepada mana-mana orang yang disahkan oleh pihak berkuasa tatatertib sebagai orang yang berhak menerima bayaran.
- (7) Apa-apa pampasan yang kena dibayar atau yang dibayar di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah tanpa menjelaskan hak mana-mana orang untuk memulakan prosiding sivil dalam mahkamah undang-undang bagi kerosakan atau pampasan berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau kecederaan yang disebut dalam subkaedah (1), atau hak mana-mana orang untuk menerima apa-apa bayaran atau pampasan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau kecederaan itu.

### **Orang yang boleh hadir dalam prosiding tatatertib**

- 66 Tiada seorang pun boleh hadir dalam sesuatu prosiding tatatertib kecuali:-
- anggota pihak berkuasa tatatertib;
  - pelajar yang terhadapnya prosiding tatatertib diambil;

- (c) ibu atau bapa atau penjaga pelajar itu;
- (d) saksi semasa dia memberikan keterangan, atau apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa tatatertib; dan
- (e) mana-mana orang lain yang dibenarkan hadir oleh pihak berkuasa tatatertib bagi apa-apa sebab yang tertentu.

## BAHAGIAN VI

### RAYUAN

#### Notis rayuan

67. (1) Jika seseorang pelajar tidak berpuas hati dengan keputusan suatu pihak berkuasa tatatertib, dia boleh memberikan notis rayuan secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Naib Canselor dalam dua salinan dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu disampaikan kepadanya.
- (2) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan dengan jelas alasan rayuan.

#### Penyampaian rayuan kepada Menteri

68. Naib Canselor hendaklah, apabila menerima notis rayuan, mengemukakan notis rayuan itu kepada Menteri bersama dengan suatu salinan nota prosiding tatatertib yang berkenaan dengannya notis rayuan itu diberikan dan alasan keputusan.

#### Tindakan Menteri ke atas rayuan

69. (1) Menteri boleh, apabila menerima dokumen yang disebut dalam kaedah 68 daripada Naib Canselor, meminta apa-apa maklumat atau butir lanjut berhubung dengan prosiding tatatertib itu sebagaimana yang difikirkannya patut.
- (2) Jika Menteri menolak terus rayuan di bawah subseksyen 16B(4) Akta, keputusan Menteri hendaklah disampaikan kepada pelajar melalui Naib Canselor.
- (3) Jika Menteri melantik suatu jawatankuasa di bawah subseksyen 16B(5) Akta untuk menimbangkan rayuan itu, keputusan Menteri mengenai rayuan itu yang dibuat selepas menerima syor jawatankuasa hendaklah disampaikan kepada pelajar melalui Naib Canselor.

#### Rayuan tidak boleh berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan hukuman

70. Sesuatu rayuan oleh seseorang pelajar tidak boleh berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan hukuman yang dikenakan atau sebagai penggantungan pembayaran apa-apa pampasan yang diperintahkan dibayar, melainkan jika Naib Canselor atau Menteri mengarahkan selainnya.

BAHAGIAN VII  
AM

**Kesalahan tatatertib**

71. Seseorang pelajar yang melanggar mana-mana Kaedah-Kaedah ini, atau apa-apa garis panduan, petunjuk, arahan, sekatan, syarat atau terma yang dikenakan atau diberikan di bawah Kaedah-Kaedah ini, melakukan suatu kesalahan tatatertib.

**Kaedah-Kaedah ini tidak mengurangkan tanggungan jenayah**

72. Tiada apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini boleh mengurangkan tanggungan mana-mana pelajar atau orang lain bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.



Dibuat pada  
[KPT(PUU)S.021/013/010/001; PN(PU2)75L/II]

2007  
اوپورسیتی تکنیکا ملاک  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

TAN SRI DATO' SERI MOHD. SALEH BIN SULONG  
*Pengerusi,  
Lembaga Pengarah  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka*



## Perpustakaan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hubungi:

Phone: 06-3316822 | Fax: 06-3316811

<http://library.utm.edu.my>

اویورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PERPUSTAKAAN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

0000042324

06 FEB 2008



UTeM

جامعة ملaka التقنية

Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka